

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

BAHAGIAN A

(20 MARKAH)

1. Takrif yang tepat bagi perkataan 'insan' ialah _____
- A MakhluK istimewa yang boleh berfikir dan mempunyai kehendak.
 - B MakhluK istimewa yang boleh berfikir dan berkemampuan menerima ilmu.
 - C MakhluK istimewa yang berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
 - D MakhluK istimewa yang boleh berfikir, berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak.

2. Islam memberi kelonggaran kepada penganutnya dalam melakukan ibadah samada ketika sakit atau musafir mengikut kemampuan masing-masing.

Pernyataan di atas menerangkan konsep

- A Solihah
- B Rukhsah
- C Ibadah
- D Azimah

3. Mengambil harta orang lain tanpa kebenaran.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Monopoli harta.
- B Melaburkan harta.
- C Merosakkan harta.
- D Mencerobohi harta.

4. Satu bentuk simpanan dan pelaburan wang

Pernyataan di atas merujuk kepada

- I Al-Wadiah
- II Al-Murabahah
- III Al-Mudharabah
- IV Al-Musyarakah

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, II dan IV
- D I, III dan IV

- 5 Kesan pengabaian sistem muamalah Islam terhadap individu ialah
- I Melahirkan individu yang kaya.
 - II Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri.
 - III Melahirkan individu yang tamak haloba.
 - IV Melahirkan golongan miskin yang terbiar.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.

- 6
- Menyelesaikan pertelingkahan antara pihak yang bertelagah.
 - Memastikan hukuman adil dan setimpal.
- A Fatwa.
 - B Qadha.
 - C Fikah.
 - D Ijtihad.

- 7
- Mengutamakan kepentingan umum dari individu.
 - Perhubungan berdasarkan ukhuwah.
 - Pergaulan mengikut lunas Islam.
 - Pengamalan akhlak mulia.

Pernyataan di atas merujuk kepada Sistem Sosial yang berteraskan

- A Perancangan Majlis Syura
 - B Perancangan khalifah
 - C Perancangan Allah s.w.t
 - D Perancangan rasul
- 8 Yang manakah antara berikut bukan syarat-syarat bertaubat.
- A Taubat dengan ikhlas.
 - B Menyesali dosa yang telah dilakukan.
 - C Berhenti melakukan dosa sampai usia bersara.
 - D Benci akan perbuatan tersebut.

- 9
- Bagai aur dengan tebing
 - Ke puncak sama didaki
Ke lurah sama dituruni
 - Yang berat sama dipikul
Yang ringan sama dijinjing

Peribahasa di atas menerangkan nilai

- A Toleransi.
- B Bekerjasama.
- C Kasih sayang.
- D Hormat menghormati.

10. Islam telah menyediakan pelbagai kegiatan ekonomi untuk membina kekuatan ekonomi. Kegiatan-kegiatan tersebut adalah seperti.
- I Jual beli.
 - II Mudharabah.
 - III Monopoli.
 - IV Musyarakah.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.
11. Pilih contoh-contoh yang TIDAK menepati prinsip-prinsip Waq'iyah
- A Pemberatan tuntutan dunia melebihi akhirat
 - B Menuntut ilmu sebagai perkara sampingan
 - C Orang bukan Islam bebas mengamalkan ajaran masing-masing dibawah pemerintahan Islam
 - D Islam mengharuskan berpoligami jika seseorang itu berkemampuan
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv
12. Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu kerana.
- A Ilmu adalah alat untuk mendapatkan harta.
 - B Ilmu adalah alat untuk mendapatkan kemuliaan di dunia.
 - C Ilmu adalah cara untuk mendapatkan kebahagiaan hidup.
 - D Ilmu adalah cara untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T.
13. Berikut adalah cara untuk kita memelihara alam kecuali
- A Mengawal kebersihan sungai.
 - B Mengawal penebangan hutan.
 - C Mengekalkan pencemaran bunyi.
 - D Mengekalkan habitat semulajadi haiwan.
14. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengaguran ialah
- A Memberi kursus kemahiran
 - B Memberi elaun sara hidup
 - C Memberi sedekah
 - D Menanggung perbelanjaan harian

- 15 Antara hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam ialah :
- I Menjamin kesihatan manusia.
 - II Menjaga kepentingan peribadi.
 - III Kebebasan beragama.
 - IV Melindungi nyawa.
- A I dan III
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 16 Syarat-syarat seseorang itu boleh dijatuhkan hukuman qisas ialah
- I Penjenayah yang sempurna akal.
 - II Kesalahan yang dilakukan dengan sengaja.
 - III Kesalahan yang dilakukan dengan niat jahat.
 - IV Kesalahan yang dilakukan untuk tujuan membela diri.
- A I, II dan III.
B II, III dan IV.
C I, II dan IV.
D I, III dan IV.
- 17 Syarat-syarat menjadi khalifah ialah
- I Lelaki
 - II Kemampuan mental dan fizikal.
 - III Gagah dan berani.
 - IV Seorang muslim yang mukmin.
- A I, II dan IV
B I, II, dan III
C I, II dan IV
D II, III dan IV
18. Berikut mewujudkan kekuatan ekonomi ummah, **kecuali**.
- I Bekerja dengan bersungguh-sungguh.
 - II Menjaga kualiti barangan dan mutu kerja.
 - III Berhati-hati dalam memilih pekerjaan.
 - IV Berhemat dalam berbelanja.
- A I, II dan III.
B I, II dan IV.
C I, III dan IV.
D II, III dan IV.

- 19 Di antara matlamat Sistem Sosial Islam ialah merealisasikan keadilan sosial. Di antara cara yang boleh dilakukan untuk merealisasikannya dalam sesebuah negara ialah
- I Menyediakan keperluan asas kepada rakyat.
 - II Mengenakan tindakan tanpa mengira keturunan.
 - III Mengagihkan zakat kepada semua ahli masyarakat.
 - IV Menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 20 Berikut adalah kenyataan yang benar mengenai al-Qias, **kecuali**
- A Sumber hukum yang keempat.
 - B Contoh al-Qias iaitu zakat padi berasaskan kewajipan zakat gandum.
 - C Al-Qias bermaksud membandingkan hukum.
 - D Menjelaskan isi kandungan al-Quran.

BAHAGIAN B

(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- | | | | |
|----|--|--|---|
| 21 | Kalam Allah s.w.t yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia. (wahyu) | | 1 |
| 22 | Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh umat manusia. (ilmu fardhu ain) | | 1 |
| 23 | Kegiatan daya upaya berfikir yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada manusia. (akal) | | 1 |


		Untuk Kegunaan Pemeriksa
24	_____ diharuskan dalam Islam seiring dengan peningkatan ilmu pengetahuan dan kemajuan manusia. (Ijtihad)	<input type="checkbox"/> 1
25	Qadha ialah hukum yang diputuskan oleh mahkamah berdasarkan _____ dan hujah yang benar. (bukti)	<input type="checkbox"/> 1
26	Perundangan Islam diturunkan untuk _____ dan mencorakkan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. (mengawal)	<input type="checkbox"/> 1
27	Hak dan _____ orang bukan Islam juga dijamin jika tinggal di negara Islam. (Kebebasan)	<input type="checkbox"/> 1
28	_____ ialah alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal dan pancaindera. (Alam ghaib)	<input type="checkbox"/> 1

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

<input type="checkbox"/> 1	29	Jati diri bermaksud memiliki daya ketahanan diri yang sejati daripada pengaruh asing	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> 1	30	Islam membebankan umatnya dalam melaksanakan ibadah	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> 1	31	Penyelesaian masalah secara Islam adalah menepati kehendak semua individu	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> 1	32	Ujian DNA boleh dijadikan bukti dalam perbicaraan	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> 1	33	Muamalah Islam memastikan segala kegiatan ekonomi mendapat keuntungan semata-mata	<input type="checkbox"/>

Soalan 34 – 37 adalah berdasarkan carta di bawah



34 X : _____

35 Y : _____

36 Contoh X : _____

37 Contoh Y : _____

Padankan contoh-contoh berikut dengan dengan istilah-istilah Muamalah yang sesuai.

A	B	C
Ar-Rahn	Al-Ijarah	At-Takaful
	D	
	Al-Wadiah	

38	Membayar dengan bayaran tertentu terhadap sesuatu barang yang membolehkan	_____
39	Pemilik kereta menyertai satu sistem untuk melindungi keretanya apabila ditimpa kemalangan	_____
40	Peniaga mencagarkan barang kemas kepada pihak tertentu untuk menambahkan modal.	_____

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

1 A B C D

2 A B C D

3 A B C D

4 A B C D

5 A B C D

6 A B C D

7 A B C D

8 A B C D

9 A B C D

10 A B C D

11 A B C D

12 A B C D

13 A B C D

14 A B C D

15 A B C D

16 A B C D

17 A B C D

18 A B C D

19 A B C D

20 A B C D

BAHAGIAN A

KERTAS 2
MASA 2 JAM 30 MINIT

[100 markah]

Jawab **lima** soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) Jelaskan **tiga** kepentingan hadis sebagai sumber ilmu ? [6markah]
- (b) (i) Allah mempunyai nama-nama yang mulia.
Senaraikan **empat** daripada nama-nama Allah Yang mulia ? [4 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** perbezaan antara orang beragama dengan tidak beragama ? [6 markah]
- (c) Mukjizat adalah perkara luar biasa yang di anugerahkan oleh Allah kepada para nabi dan rasul .
Nyatakan **dua** peranan mukjizat ? [4 markah]
- 2 (a) (i) Berikan maksud Waqiyah [2 markah]
- (ii) Salah satu prinsip Waqiyah ialah menyelesaikan masalah
Nyatakan **tiga** cara menangani isu keruntuhan akhlak remaja Islam masa kini. [6 markah]
- (b) (i) Berikan maksud Syumuliyah [2 markah]
- (ii) Ibadat merupakan tanggungjawab manusia terhadap Allah
Terangkan perbezaan ibadat khusus dan ibadat umum berserta contoh. [4 markah]
- (c) Ajaran Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman
Jelaskan pernyataan di atas dari sudut kewajipan menutup aurat [6 markah]
- 3 (a) (i) Jelaskan **dua** kelebihan sistem syura. [4 markah]
- (ii) Undang-undang Islam perlu ditegakkan bagi merealisasikan keadilan dan kesaksamaan dalam pemerintahan sesebuah negara Islam.
Nyatakan **empat** prinsip pemerintahan sesebuah negara Islam. [4 markah]
- (b) (i) Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum.
Nyatakan **dua** etika hidup dalam masyarakat. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan jika rakyat tidak mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian negara. [4 markah]

- (c) Sistem Kehakiman Islam mempunyai sumber yang melengkapkan kesempurnaan dan keharmonian hidup manusia di dunia dan di akhirat .
Nyatakan **empat** sumber kehakiman Islam. [4 markah]
- 4 (a) (i) Hadis merupakan salah **satu** sumber ilmu dalam Islam.
Terangkan erti hadis sahih. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan hadis sebagai sumber ilmu. [4 markah]
- (iii) Pencerobohan ke atas harta orang lain akan mendatangkan beberapa keburukan.
Jelaskan **dua** punca berlakunya pencerobohan harta. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** hikmah kepelbagaian muamalah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** keburukan tidak mengikut sistem muamalah Islam. [6 markah]
- 5 (a) (i) Umat islam mesti menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh merosakkan ibadat , bahkan mesti mengukuhkan ibadat tersebut .
Nyatakan **dua** perkara yang boleh merosakkan ibadat ? [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan akibat melakukan perkara yang boleh merosakkan ibadat ? [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perkara yang dapat mengukuhkan ibadat seseorang. [2 markah]
- 5 (b) (i) Pintu ijtihad sentiasa terbuka kepada ulamak yang berkelayakan .
Nyatakan maksud ijtihad ? [2 markah]
- (ii) Ijtihad hanya boleh dilakukan oleh individu yang berkelayakan iaitu para mujtahid.
Nyatakan **dua** syarat mujtahid. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan ijtihad kepada perkembangan perundangan Islam. [4 markah]
- 6 (a) (i) Nyatakan maksud toleransi ? [2 markah]
- (ii) Berikan **dua** contoh bertoleransi di dalam kelas ? [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan bukti Islam mampu menyelesaikan permasalahan ummah. [4 markah]
- (ii) Terangkan implikasi penyelesaian masalah secara konvensional ? [6 markah]
- (c) Jelaskan cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan. [4 markah]

- 7 (a) (i) Setiap individu mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.
Terangkan **dua** hak dan kewajipan terhadap ibu bapa. [4 markah]
- (ii) Jelaskan peranan al-Quran kepada kehidupan manusia. [4 markah]
- (b) (i) Budaya asing merupakan ancaman kepada umat Islam.
Terangkan **dua** cara menangani budaya asing. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh ideologi asing yang bertentangan dengan Islam. [4 markah]
- (c) Berikan **dua** perbezaan hadis sahih dan hadis dhaif ? [4 markah]

SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1

BAHAGIAN A

1.	D	2.	B	3.	D	4.	D	5.	D
6.	B	7.	C	8.	D	9.	B	10.	C
11.	A	12.	D	13.	C	14.	C	15.	D
16.	A	17.	C	18.	B	19.	A	20.	B

BAHAGIAN B

21. Wahyu
22. Ilmu Fardhu Ain
23. Aqal
24. Ijtihad
25. Bukti
26. Mengawal
27. Kebebasan
28. Betul
29. Salah
30. Salah
31. Salah
32. B
33. C
34. A
35. F
36. D
37. Hak milik umum
38. Hak milik Negara
39. Jalan raya, sungai, laut
40. Sekolah, pejabat kerajaan, hospital

SKEMA KERTAS 2

- 1 (a) (i) Tiga kepentingan hadis sebagai sumber ilmu (6 markah)
 menguatkan hukum-hukum al-Quran
 menjelaskan nas-nas al Quran yang ringkas
 menentukan maksud nas yang umum
 membatasi hukum nas yang mutlak

- (b) (i) Empat daripada nama-nama Allah Yang mulia (4 markah)
 1. Ar - Rahman
 2. Ar - Rahim
 3. Al - Jabbar
 4. Al - Kuddus
 5. mana-mana yang sesuai

- (ii) Tiga perbezaan antara orang beragama dengan tidak beragama (6 markah)

Beragama	Tidak beragama
i-sentiasa redha dengan ketentuan Allah	ii-berasa keluh kesah , kecewa dan mudah putus asa
ii-melakukan pekerjaan dengan ikhlas	ii-mengharapkan pujian daripada manusia
iii-j jiwa yang mantap dan teguh atas perinsip kebenaran	iii-mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan

- (c) Dua peranan mukjizat (4 markah)
 1. membuktikan kekuasaan Allah
 2. mengukuhkan keyakinan orang ramai
 3. membuktikan kebenaran rasul

- 2 (a) (i) Maksud Waqiyah Bahasa – realiti (2 markah)
 Istilah – praktikal , ajaran Islam mampu diamalkan oleh semua golongan manusia

- (ii) Tiga cara menangani isu keruntuhan akhlak remaja Islam masa kini. (6 markah)
 1. Didikan agama sejak kecil
 2. Menekankan penghayatan Islam secara menyeluruh
 3. Perhatian rapi daripada ibu bapa

- (b) (i) Maksud Syumuliyah (2 markah)
 Lengkap – iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan dunia dan akhirat

- (ii) Perbezaan ibadat khusus dan ibadat umum berserta contoh. (4 markah)
- Ibadat Umum:**
Amalan harian yang dilakukan bertepatan dengan ajaran Islam dan diniatkan kepada Allah
- **Contoh :** Bekerja
- Ibadat Khusus :**
Segala perbuatan yang dilakukan oleh setiap individu secara khusus berhubung dengan Allah.
- **Contoh :** Solat
- (c) Penjelasan kenyataan ajaran Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman (dari sudut kewajipan menutup aurat)
1. Sesuai dipraktikkan oleh semua manusia
 2. Dapat menghindarkan diri daripada gejala negatif
 3. Menjaga maruah diri
- 3 (a) (i) Dua kelebihan sistem syura. (4 markah)
1. Keadilan yang saksama dapat diwujudkan dalam sesebuah negara.
 2. Mendapat rahmat dan keredhaan Allah s.w.t
 3. Perpaduan masyarakat dalam sesebuah negara dapat diwujudkan.
 4. Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis serta ijtihad ulama.
- (ii) Empat prinsip pemerintahan sesebuah negara Islam. (4 markah)
1. Musyawarah / syura
 2. Keadilan / al -`adalah
 3. Kebebasan / al-hurriyyah
 4. Persamaan
- (b) (i) Dua etika hidup dalam masyarakat. (4 markah)
1. Menghormati adat dan budaya.
 2. Memberikan hak secara adil.
 3. Tidak menyentuh soal-soal sensitif / sentimen perkauman.
 4. Saling bekerjasama membangunkan negara.
- 3 (b) (ii) Dua kesan jika rakyat tidak mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian negara. (4 markah)
1. Negara menjadi mundur.
 2. Berlaku pergaduhan / huru hara / kekacauan.
 3. Negara mudah dijajah / kedaulatan negara tergugat.
 4. Negara tidak dihormati.
 5. Keselamatan negara lemah.
 6. Perbuatan mungkar / jenayah berleluasa.
- (c) Empat sumber kehakiman Islam (4 markah)
1. Al-Quran
 2. Al Hadis
 3. Al Ijmak
 4. Al Qias

- 4 (a) (i) Erti hadis sahih. (2 markah)
Hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus dengan Rasulullah s.a.w. Hadis ini diriwayatkan oleh perawi yang thiqah, adil lagi dhabit dan tidak terdapat sebarang kecacatan.
- (ii) Dua kepentingan hadis sebagai sumber ilmu. (4 markah)
1. Menguatkan hukum-hukum al-Quran
 2. Menjelaskan nas-nas al-Quran yang ringkas
 3. Menentukan maksud nas yang umum
 4. Membatasi hukum nas-nas yang mutlak
- (iii) Dua punca berlakunya pencerobohan harta; (4 markah)
1. Tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar
 2. Terpengaruh dengan kemewahan dunia
 3. Perasaan tamak dan ingin cepat kaya.
- 4 (b) (i) Hikmah kepelbagaian muamalah. (4 markah)
1. Individu mempunyai pelbagai pilihan dalam muamalah.
 2. Hidup dengan aman.
 3. Boleh menceburi pelbagai bidang
 4. Melahirkan masyarakat tolong menolong.
 5. Dapat menikmati kehidupan yang harmoni.
 6. Ekonomi negara berkembang dengan pesat dan maju
- (ii) Keburukan tidak mengikut sistem muamalah Islam. (6 markah)
1. Melahirkan individu yang tamak haloba.
 2. Masyarakat tidak bersatu padu.
 3. Ekonomi negara akan mundur.
- 5 (a) (i) Dua perkara yang boleh merosakkan ibadat : (4 markah)
1. Murtad , Syirik dan Munafik
 2. Takabur
 3. Ujub
 4. Sum'ah
 5. Mengukit-ungkit
 6. Aza
 7. Hasad dengki
- (ii) Dua perkara yang boleh merosakkan ibadat: (4markah)
1. Ibadat tidak di terima oleh Allah
 2. Mendapat dosa
 3. Dilaknat oleh Allah
 4. Merosakkan iman
 5. Maruah umat islam tercemar
 6. merosakkan ibadat

- (iii) Perkara yang dapat mengukuhkan ibadat seseorang : (2 markah)
1. Percaya kepada perkara-perkara rukun iman.
 2. Melaksanakan segala perkara yang terdapat di dalam rukun Islam.
 3. Sentiasa berakhlak mulia.
 4. Sentiasa taat kepada pemerintah yang adil dan menjaga kepentingan rakyat.
- 5 (b) (i) Maksud ijtihad (2 markah)
Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al -Quran dan al-Hadis .
- (ii) Syarat mujtahid. (4 markah)
1. Mahir tentang nas al-Quran dan al-Hadis.
 2. Mahir dalam bahasa Arab.
 3. Mengetahui ayat Nasakh dan Mansukh.
 4. Mahir dalam sebab-sebab penurunan ayat al-Quran.
- (iii) Kepentingan ijtihad kepada perkembangan perundangan Islam. (4 markah)
1. Memastikan hukum Islam sentiasa berkembang dan tidak jumud.
 2. Memastikan terdapat penyelesaian bagi masalah yang timbul dalam perundangan Islam.
 3. Memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan perundangan Islam dan hukum yang baru.
 4. Perundangan Islam mampu menangani masalah semasa umat Islam.
- 6 (a) (i) Maksud toleransi (2 markah)
Sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dengan pendirian sendiri .
- (ii) Dua contoh anda bertoleransi di dalam kelas ? (4 markah)
1. menghormati pandangan yang telah di berikan oleh rakan-rakan
 2. sedia menerima kritikan dan teguran daripada rakan-rakan
- (b) (i) Bukti Islam mampu menyelesaikan masalah. (4 markah)
1. Islam mengharamkan zina dan pergaulan bebas dalam menangani masalah anak luar nikah.
 2. Menentukan hukuman potong tangan bagi mengelakkan kecurian.
 3. Mengharamkan riba bagi mengelakkan penindasan ekonomi.
 4. Mengharuskan perkahwinan untuk mendapat zuriat yang bersih.

- (ii) Implikasi penyelesaian masalah secara konvensional ? (6 markah)
1. akan berlaku kezaliman / penindasan
 2. mendapat kemurkaan daripada Allah SWT
 3. timbul rasa tidak puas hati
 4. penyelesaian hanya di dunia semata-mata

- (c) Cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan. (4 markah)
1. Mewajibkan umatnya yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan miskin.
 2. Menuntut umatnya supaya bekerja bersungguh-sungguh .
 3. Menggalakkan umatnya supaya bekerja bersungguh-sungguh.

- 7 (a) (i) Dua hak dan kewajipan terhadap ibu bapa

Hak terhadap ibu bapa : (4 markah)

1. mendapat ibu yang baik
2. diberi nama yang baik
3. mendapat kasih sayang
4. mendapat pendidikan dunia dan akhirat

Kewajipan terhadap ibu bapa

1. menghormati dan mentaati perintah
2. menjaga mereka di watu tua/ sakit
3. mendoakan kesejahteraan mereka

- (ii) Peranan al- Quran kepada kehidupan manusia. (4 markah)
1. Membimbing akal daripada unsur-unsur yang boleh merosakkan
 2. Memandu manusia kepada kebenaran dan kebaikan
 3. Membantu manusia memahami pengetahuan dan musyahadah

- (b) (i) Dua cara menangani budaya asing. (4 markah)
1. Mengamalkan cara hidup sihat
 2. Menjadikan Islam sebagai cara hidup
 3. Menapis berita yang diterima sama ada dalam media massa atau eletronik
 4. Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang

- (ii) Dua contoh ideologi asing yang bertentangan dengan Islam (4 markah)
1. Ideologi Sosialis
 2. Ideologi Kapitalis
 3. Ideologi Sekular

- 7 (c) Dua perbezaan Hadis sahih dan Hadis dhaif ? (4 markah)

<i>Hadis sahih</i>	<i>Hadis Dhaif</i>
<ul style="list-style-type: none">• Sanadnya berhubung terus kepada rasulullah• Tidak terdapat sebarang kecacatan yang kecil mahupun yang tersembunyi	<ul style="list-style-type: none">• Gugur seorang atau beberapa perawi dari sanadnya atau nama perawi tidak di sebut dengan jelas• Terdedah kepada kecacatan atau illat yang mencatitkan hadis

CATATAN

CATATAN